

Imbangan akaun semasa negara catat lebih RM9.1 billion

Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia mencatat lebihan sebanyak RM9.1 bilion atau 2.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku kedua 2023, berbanding RM4.3 bilion pada suku sebelumnya.

Sementara itu, Akaun Kewangan mencatatkan aliran keluar bersih RM11.6 bilion berbanding RM2.4 bilion pada suku sebelumnya.

Pada separuh pertama 2023, CAB mencapai lebihan RM13.4 bilion, manakala Akaun Kewangan mencatatkan aliran keluar RM13.9 bilion.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) semalam melaporkan dalam Statistik Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa bagi Suku Kedua 2023 yang merekodkan transaksi merentasi sempadan Malaysia dengan seluruh dunia.

Lebihan yang berterusan dalam CAB, terutama disokong oleh eksport bersih barang.

Akaun barang mencatatkan eksport bersih RM29.5 bilion pada suku berkenaan, penurunan 26.1 peratus suku ke suku.

Perbandingan suku ke suku menunjukkan eksport barang

menurun 2.5 peratus daripada RM261.5 bilion kepada RM254.9 bilion pada suku kedua.

Eksport utama ialah elektrik & elektronik (E&E), produk petroleum dan kimia, terutamanya ke Singapura, China dan Amerika Syarikat (AS).

Sebaliknya, import barang

meningkat sebanyak 1.7 peratus suku ke suku daripada RM221.6 bilion kepada RM225.4 bilion, terutama disumbangkan oleh barang modal dan penggunaan.

China, Singapura dan Taiwan adalah sumber utama import Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata Akaun Pendapatan menyumbang kepada lebihan CAB yang tinggi pada suku kedua 2023.

Katanya, Akaun Pendapatan primer menunjukkan defisit yang lebih kecil iaitu RM6.3 bilion berbanding RM16.9 bilion pada suku sebelumnya.

"Pengurangan ini disebabkan terimaan lebih tinggi berjumlah RM24.8 bilion, terutama didorong oleh pendapatan pelaburan lebih tinggi yang dijana syarikat Malaysia di luar negeri dalam pelaburan langsung," katanya.

ra dalam pelaburan langsung.

"Dalam tempoh sama, baya-
ran menurun kepada RM31.1
bilion, terutama dalam pelabu-
ran langsung. Pada masa sama,
defisit akaun pendapatan sekun-
der menguncup daripada RM5.9
bilion pada suku sebelum ke-
padar RM2.8 bilion, disebabkan
penghantaran wang pekerja
yang lebih rendah ke luar nega-
ra," katanya.

Sementara itu, aliran keluar bersih dalam pelaburan lang-
sung luar negeri (DIA) pada
suku kedua 2023 berkembang
kepada RM8 billion berbanding
RM1.1 billion pada suku sebelum-
nya.

Sektor utama yang menyumbang kepada DIA ialah perkhid-
matan khususnya dalam sub-
sektor kewangan dan maklumat & telekomunikasi, diikuti oleh
pertanian dan pembinaan.

Pengurangan ini disebabkan terimaan lebih tinggi berjumlah RM24.8 bilion, terutama didorong oleh pendapatan pelaburan lebih tinggi yang dijana syarikat Malaysia di luar negeri dalam pelaburan langsung



Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia